A

Yogananthy a/p AS Thambaiya lwn Idris bin Osman

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO J–02–166 TAHUN 2001

B MOKHTAR SIDIN, MOHD SAARI DAN ALAUDDIN HHMR

4 JANUARY 2006

Acara Sivil — Rayuan — Notis rayuan — Notis difailkan di luar masa — Sama ada notis cacat — Sama ada penyampaian notis yang cacat adalah sah

C

Acara Sivil — Rayuan — Penyalahgunana proses — Sama ada rayuan yang difailkan selepas perayu memohon untuk menghidupkan tuntutan adalah penyalahgunaan kuasa mahkamah — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 35 kk 1 & 2

D *Acara Sivil — Rayuan — Rekod rayuan — Pemfailan luar masa — Sama ada terdapat merit dalam permohonan untuk memfailkan rekod di luar masa — Sama ada salah tafsiran mengenai peraturan dan kesilapan peguam adalah sebab yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah*

E

Pesuruhjaya kehakiman telah membatalkan tuntutan perayu apabila perayu dan peguamnya telah gagal hadir di perbicaraan kes tersebut yang ditetapkan pada 16 dan 17 Oktober 2000. Hakim kemudiannya telah memasukkan penghakiman untuk tuntutan balas responden terhadap perayu ('penghakiman tersebut'). Perayu kemudiannya telah memfailkan permohonannya untuk menghidupkan semula
F tuntutannya. Pada 14 November 2000, perayu menyerahkan notis rayuannya — yang sebenarnya difailkan pada 5 Disember 2000 — kepada peguam responden. Responden memohon supaya rayuan yang telah dimasukkan oleh perayu tersebut dibatalkan atas alasan ia adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan notis tersebut yang difailkan oleh perayu pada 5 Disember 2000 terhadap keputusan yang
G diberikan pada 16 Oktober 2000 telah difailkan di luar masa. Perayu telah memohon untuk: (1) perlanjutan masa bagi memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan; dan (2) pelaksanan penghakiman bertarikh 16 Oktober 2000 yang menolak tuntutan perayu dan membenarkan tuntutan balas responden tersebut digantung sehingga pendengaran dan keputusan rayuan perayu.

H

Diputuskan, membatalkan rayuan dan menolak permohonan-permohonan perayu untuk melanjutkan masa dan menggantungkan penghakiman:

(1) Notis rayuan perayu sepatutnya difailkan dalam masa satu bulan dari
I 16 Oktober 2000, iaitu sebelum 15 November 2000. Oleh kerana ianya difailkan selepas masa yang ditetapkan untuk rayuan, iaitu pada 5 Disember 2000, rayuan tersebut telah tidak dibawa secara teratur ke hadapan mahkamah ini (lihat perenggan 11). Oleh kerana notis rayuan tersebut adalah cacat, penyampaiannya ke atas peguam responden juga tidak memberi makna (lihat perenggan 13).

(2) Rayuan oleh perayu (yang cacat) terhadap penghakiman tersebut adalah tidak bertempat, salah tanggap, salah faham dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana penghakiman tersebut tidak boleh dirayu kerana ia tertakluk kepada A 35 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (lihat perenggan 14).

(3) Sungguhpun terdapat permohonan perayu memohon perlanjutan masa untuk memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan, tetapi setelah disemak alasan-alasan yang tercatit di dalam affidavit menyokong permohonan tersebut didapati tidak ada sebarang merit dalam permohonan tersebut (lihat perenggan 21). Alasan-alasan seperti salah tafsiran mengenai peraturan adalah merupakan tindakan peguam sendiri dan kesilapannya bukan menjadi satu sebab yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ini (lihat perenggan 22). Permohonan-permohonan yang dibuat oleh perayu semuanya tidak bersebab dan tanpa apa-apa asas kerana semua permohonan tersebut dibuat hasil dari kesilapan dan kecuaian peguam perayu sendiri (lihat perenggan 24).

[English summary

The commissioner of judge cancelled the appellant's appeal when the appellant and the appellant's solicitor had failed to attend at the said trial fixed on 16 and 17 October 2000. The judge later entered judgment for the respondent's counter claim against the appellant ('the said judgment'). The appellant later filed an application to reinstate his claim. On 14 November 2000, the appellant served his notice of appeal- which was filed on 5 December 2000 — to the respondent's solicitor. The respondent made an application that the appeal entered by the appellant was to be cancelled based upon the reason that it was an abuse of the court process and the said notice filed by the appellant on 5 December 2000 against the decision given on 16 October 2000 was filed out of time. The appellant had applied for: (1) an extension of time to file and serve the appeal record; and (2) an execution of judgment dated 16 October 2000 which dismissed the appellant's claim and allowed the respondent's counter claim be stayed pending the hearing and decision of the appellant's appeal.]

Held, striking out the appeal and dismissing the appellant's applications for extension of time and staying the judgment:

(1) The appellant's notice of appeal, by right, should have been filed in one month from 16 October 2000, which was before 15 November 2000. Because it was filed after the time fixed for appeal, which was on 5 December 2000, the said appeal was not appropriately brought before this court (see para 11). Because the said notice of appeal was defective, service on the respondent's solicitor was of no significance (see para 13).

(2) The appeal by the appellant (defective) against the said judgment was misconceived, misunderstood and not in place and was an abuse of the court

process because an appeal cannot be made against the said judgment as it was governed by Order 35 r 1 and 2 of the Rules of the High Court 1980 (see para 14).

(3) Although the appellant applied for an extension of time to file and serve the appeal record but after checking the said reasons listed on the affidavit supporting the application, it was found that there was no merit in the said application (see para 21). Reasons like misinterpretation about the rule was an action by their own solicitor and the solicitor's mistake was not a reason which ought to be considered by this court (see para 22). The applications made by the appellant were all baseless and unreasonable as all the applications were made from mistakes and carelessness of the appellant's solicitor (see para 24).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai notis rayuan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 1127–1213.

Untuk kes-kes mengenai penyalahgunaan proses, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 583–584.

Kes-kes yang dirujuk

Soh Keng Hian v American International Assurance Co Ltd [1996] 1 MLJ 191 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 44
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 35 kk 1(2), 2
Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 k 107
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 A 12, kk 18(7), 102

Asmet bin Nasruddin (Puthucheary Firoz Asmet & Mai) bagi pihak perayu.
PK Nathan (Fadhilah Mansor bersama beliau) (Nathan & Yang) bagi pihak responden.

Alauddin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Terdapat tiga permohonan ditetapkan untuk perbicaraan di mahkamah ini pada 18 April 2002. Pertama, ialah permohonan perayu untuk perlanjutan masa bagi memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan menurut kk 18(7) dan 102 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 dan Arahan Amalan No 1 Tahun 1996 (lampiran 10(a)). Kedua, ialah permohonan perayu supaya perlaksanan penghakiman bertarikh 16 Oktober 2000 yang menolak tuntutan perayu dan membenarkan tuntutan balas responden digantung sehingga pendengaran dan keputusan rayuan perayu menurut s 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan bidang kuasa sedia ada mahkamah ini (lampiran 15(a)). Ketiga, ialah permohonan responden untuk satu perintah bahawa rayuan yang telah dimasukkan oleh perayu di sini hendaklah dibatalkan kerana ia merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah (lampiran 18(a)).

[2] Di akhir perbicaraan, mahkamah ini telah membenarkan permohonan di lampiran 18(a) dan menolak permohonan-permohonan di lampiran 10(a) dan

lampiran 15(a). Disebabkan perayu ingin memohon kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan tersebut di atas dan bagi mematuhi kehendak k 107 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995, maka penghakiman ini disediakan. A

[3] Bagi tujuan memahami rayuan ini dengan lebih jelas adalah perlu bagi kami menjelaskan latarbelakang kes ini secara terperinci. B

[4] Pada 16 Oktober 2000, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman (beliau ketika itu) Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah membatalkan tuntutan perayu dalam Guaman Sivil No 22–160 tahun1995(1) apabila perayu dan peguamnya telah gagal hadir di perbicaraan kes tersebut yang ditetapkan pada 16 dan 17 Oktober 2000. Yang Arif kemudiannya telah meneruskan dengan perbicaraan tuntutan balas responden. Keterangan telah dikemukakan oleh peguam responden menerusi dua orang saksi bagi membuktikan tuntutan-balas tersebut. Penghakiman telah dimasukkan di dalam tuntutan balas responden terhadap perayu (lihat perintah Mahkamah di ms 22 lampiran 18(A)). C D

[5] Pada 17 Oktober 2000, perayu memfailkan permohonannya untuk menghidupkan semula tuntutannya terhadap responden dan mengenepikan penghakiman yang diberikan pada 16 Oktober 2000 berkaitan dengan tuntutan balas responden terhadapnya. Permohonan tersebut dibuat mengikut A 35 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (lihat ms 28 lampiran 18(A)). E

[6] Kemudian, pada 20 Oktober 2000, perayu telah memfailkan satu lagi permohonan untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman bertarikh 16 Oktober 2000 (lihat ms 31 lampiran 18(a)). F

[7] Pada 14 November 2000, peguam responden telah diserahkan dengan satu salinan notis rayuan melalui surat bertarikh 13 November 2000 oleh peguam perayu terhadap penghakiman Mahkamah Tinggi bertarikh 16 Oktober 2000 (lihat ms 34 lampiran 19(a)). Notis rayuan tersebut terdapat di ms 37 lampiran 18(a). Walau bagaimanapun, pada masa itu, responden dan peguamnya tidak mengetahui bilakah notis rayuan tersebut telah difailkan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru. G

[8] Peguam perayu telah menyampaikan rekod rayuan kepada peguam responden pada 1 Januari 2001 melalui surat mereka bertarikh 22 Disember 2000 (lihat ms 40 lampiran 18(a)). Setelah menyemak rekod rayuan tersebut peguam responden mendapati bahawa notis rayuan tersebut sebenarnya difailkan pada 5 Disember 2000 (lihat ms 43 lampiran 18(a)). Mahkamah Tinggi Johor Bahru melalui surat bertarikh 7 Disember 2000 yang dialamatkan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia telah memaklumkan bahawa notis rayuan tersebut diterima pada 5 Disember 2000 (lihat ms 46 lampiran 18(a)). H I

[9] Perlu dinyatakan di sini sekali lagi bahawa asas permohonan responden di lampiran 18(a) ialah bahawa rayuan yang dibawa oleh perayu adalah merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana perayu telahpun membuat

permohonan di Mahkamah Tinggi mengikut A 35 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, memandangkan beliau dan peguamnya tidak menghadiri mahkamah pada 16 Oktober 2000. Notis rayuan yang telah difailkan oleh perayu pada 5 Disember 2000 terhadap keputusan tersebut yang telah diberikan pada 16 Oktober 2000 telah difailkan di luar masa seperti yang ditetapkan oleh A 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994.

Aturan 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 menyatakan:

12. No appeal shall, except by leave of the Court, be brought after the expiration of one month —

(a) ...;

(b) ...;

(c) in all other cases, from the date on which the judgment or order appealed against was pronounced.

[10] Notis rayuan perayu sepatutnya difailkan dalam masa satu bulan dari 16 Oktober 2000, iaitu sebelum 15 November 2000. Oleh kerana ianya difailkan selepas masa yang ditetapkan untuk rayuan, iaitu pada 5 Disember 2000, adalah jelas bahawa rayuan tersebut telah tidak dibawa secara teratur ke hadapan mahkamah ini.

[11] Tambahan lagi, apa yang amat menghairankan kami ialah bagaimana notis rayuan tersebut boleh disampaikan kepada peguam responden pada 14 November 2000, sedangkan notis rayuan tersebut masih belum difailkan pada tarikh berkenaan?

[12] Oleh kerana notis rayuan tersebut adalah cacat, penyampaiannya ke atas peguam responden juga tidak memberi makna. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Soh Keng Hian v American International Assurance Co Ltd* [1996] 1 MLJ 191 menyatakan (di ms 194):

We do not intend to dwell upon the rules of court. This much is clear. An appeal is brought to this court by filing and serving the notice of appeal. The one act without the other renders the appeal incompetent. There are scores of authorities on the point commencing from *Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2)* [1962] MLJ 370.

[13] Memandangkan permohonan perayu untuk menghidupkan semula tuntutan dan mengenepikan penghakiman bertarikh 16 Oktober 2000 berikutan A 35 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang telah digunapakainya kami berpendapat rayuan oleh perayu di sini (yang cacat) terhadap penghakiman tersebut adalah tidak bertempat, salah tanggap, salah faham dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana penghakiman tersebut tidak boleh dirayu kerana ia tertakluk kepada A 35 kk 1 dan 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 kerana beliau dan peguamnya tidak hadir di mahkamah semasa perbicaraan kes tersebut yang telah ditetapkan pada 16 Oktober 2000.

[14] Permohonan-permohonan perayu untuk menghidupkan semula tuntutannya terhadap responden dan mengenepikan penghakiman bertarikh 16 Oktober 2000 di dalam tuntutan balas responden dan untuk penggantungan pelaksanaan

penghakiman tersebut telah dihujahkan dengan panjang lebar di Mahkamah Tinggi dan akhirnya telah ditolak dengan kos pada 26 Februari 2002. Perayu adalah bebas untuk merayu terhadap keputusan ini yang telahpun dilakukannya (lihat ms 48 lampiran 18(a)).

[15] Kami telah berpeluang meneliti penghakiman-penghakiman Yang Arif tersebut berhubung permohonan-permohonan tersebut di atas dan kami berpendapat tidak ada sebarang alasan bagi kami mempertikaikan penghakiman-penghakiman tersebut.

[16] Di dalam penghakimannya mengenai permohonan responden untuk mengenepikan tuntutan terhadapnya di bawah A 35 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Yang Arif itu menyatakan (lihat eksh 'Idris 1' Lampiran 27):

> It is pertinent at this juncture to emphasize that at the mention before the learned judge on 4 May 2000 when the trial dates 9 and 10 May 2000 was vacated and the trial dates of 16 and 17 October 2000 was given both the plaintiff's counsel's representative one Mr Johannes Puthucheary and the defendant's counsel were present and as such there can be no denial that the parties were sufficiently notified of the trial dates of the action herein.
>
> Upon perusing the court's records and after duly considering the learned defence counsel's submission I allowed the defendant's application and accordingly entered judgment dismissing the plaintiffs claim with costs. As regards the counterclaim after hearing the evidence as presented by the defendant's witnesses and in the absence of rebuttal evidence I find that the defendant has established his counterclaim and I accordingly entered judgment for the amount of the counterclaim interest and cost.
>
> The order made by me was in accordance with the provisions of O 35 r 1(2) of the Rules of the High Court 1980 which empowers the court to dismiss the action in the absence of the party who fails to appear.

[17] Pada penghakiman kami pendapat dan keputusan Yang Arif itu adalah tepat dan munasabah dalam keadaan kes ini.

[18] Mengenai permohonan perayu untuk menghidupkan tuntutannya dan mengenepikan penghakiman berkenaan tuntutan balas responden, Yang Arif itu di dalam penghakimannya (lihat eksh 'Idris 3' lampiran 27) menyatakan:

> I now come to the other factor to be considered, namely whether there is any prejudice to the defendant if the application is allowed. The evidence adduced clearly shows that the plaintiff was guilty of not prosecuting the claim expeditiously. Her request for postponement every now and then and the failure to file in the bundle of documents coupled with the non-averment in any of the affidavits filed that the maker of the document are able and willing to testify established that the plaintiff is not ready for trial to prosecute her claim or defend the counterclaim. Against this is the unrebutted evidence of the defendant appearing in para 6 of his affidavit in encl 108 where he avers that he had his witnesses (including his overseas witnesses) ready for trial on all three occasions fixed for trial more so because of the plaintiffs solicitors letter of 13 December 1996 requesting defendant to strictly prove his documents. Further, the defendant avers that he is suffering from heart problems and hence it is highly prejudicial for him to have the matter delayed any longer and his profession as a stockbroker would be psychologically affected by any delay.

From the evidence adduced I find that the factor of prejudice would clearly operate and would gravely prejudice the defendant herein from having the matter delayed — and hence is another factor against awarding the plaintiff the discretionary relief prayed for herein.

[19] Pada penghakiman kami dalam keadaan dan fakta kes ini, pendapat dan keputusan Yang Arif seperti yang tersebut di atas adalah wajar dan munasabah.

[20] Sungguhpun terdapat permohonan di lampiran 10(a) di mana perayu memohon perlanjutan masa untuk memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan, tetapi setelah disemak alasan-alasan yang tercatit di dalam affidavit menyokong permohonan tersebut kami berpendapat tidak ada sebarang merit dalam permohonan tersebut.

[21] Alasan-alasan seperti salah tafsiran mengenai peraturan seperti yang disebut di perenggan 16 affidavit menyokong (lihat ms 13 lampiran 10(a)) adalah merupakan tindakan peguam sendiri dan kesilapannya bukan menjadi satu sebab yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah ini.

[22] Secara ringkasnya, apa-apa pertikaian atau isu-isu yang wujud antara pihak-pihak yang timbul lanjutan daripada dan selepas penghakiman bertarikh 16 Oktober, 2000 telahpun dihujahkan sepenuhnya dan dihuraikan dengan lengkap pada perbicaraan permohonan-permohonan tersebut dan Mahkamah Tinggi telah memberi keputusan yang memihak kepada responden pada 26 Februari 2002. Perayu adalah bebas untuk merayu terhadap keputusan tersebut.

[23] Akhir kata, kami ingin menyebut di sini bahawa permohonan-permohonan yang dibuat oleh perayu di Mahkamah Tinggi dan juga di mahkamah ini ke semuanya tidak bersebab dan tanpa apa-apa asas kerana ke semua permohonan-permohonan tersebut dibuat hasil dari kesilapan dan kecuaian peguam perayu sendiri.

[24] Berdasarkan alasan-alasan yang telah kami nyatakan di atas, kami sebulat suara bersetuju supaya permohonan responden di lampiran 18(a) dibenarkan dan permohonan-permohonan perayu di lampiran-lampiran 10(a) dan 15(a) ditolak dengan kos. Deposit untuk lampiran 18(a) dikembalikan kepada responden dan deposit-deposit di lampiran-lampiran 10(a) dan 15(a) juga diberi kepada responden sebagai kos untuk ditaksirkan.

Rayuan dibatalkan. Permohonan-permohonan perayu ditolak.

Reported by Loo Lai Mee